

Struktur Adat Perpatih
Dato' Penghulu
Pesaka Keru

OLEH .

NAYAN BIN SILIN

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S

Struktur Adat Perpatih Dato' Penghulu Pesaka Keru.

Oleh Nayan bin Selin)
(Dato' Penghulu Pesaka Keru)



JAWATAN KUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

" Peratupan Adat dan Syarak didalam Wilayah,
Tunku Besar Tampin.N.S."

Bismillah-hirrahman-nirrahim, dengan idzin Allah Ta'ala dan telah diperkenankan oleh Yang Amat Mulia Tunku Besar Tampin, satu ketetapan telah dipersetujui dalam Mesyuarat Dato'2 Penghulu Pesaka (Wilayah YAM, Tunku Besar Tampin.) dan Dato'2 Lembaga, Orang2 Besar Balai serta Tuan2 Pegawai Syarak yang telah diadakan pada 16hb. Mac 1980, bersamaan 28 Rabiul-Akhir 1400SH, bertempat DIBALAI TUNKU BESAR TAMPIN telah BERKEBULATAN dan Bersetuju Menaikkan Wang Adat Perkahwinan dan lain2. (Didalam Wilayah Tunku Besar Tampin.) iaitu Mukim2 Tampin Tengah, Repah, Keru dan Tabong.) seperti yang dinyatakan dibawah ini:-

A. ADAT PERKAHWINAN TUNKU PUTERI YAM, TUNKU BESAR TAMPIN.

- a. Adat Pertunangan.....7 bentuk Cincin Emas dan Berlian,
- b. Adat Perkahwinan.....Emas setalam dan Farak setalam.
(Berbentuk jenis2 barang perhiasan.)
- c. Mas Kahwin (MAHAR.).....Wang tunai sebanyak \$250-00.
- d. Persalinan.....Pakaian Sepersalinan yang lengkap,
(bagi Tunku Puteri.)
- e. Sebuah Tapak Sirih,
(Peminang.).....Disediakan dengan secukupnya.
(Kesemua barang2 yang tersebut itu HENDAKLAH dijala dan ditutup dengan Kain Kuning Diraja.)

B. WANG ADAT PERKAHWINAN YANG LAIN2:

	ADAT.	MAKANTUA.	MASKAHWIN.	JUMLAH.
1. Anak Penghulu (Penghulu Pesaka:)				
	\$180-00	\$21-00.	\$50-00.....	\$251-00.
2. " Waris.	\$150-00	\$15-00.	\$50-00.....	\$215-00.
3. " Anak Orang Besar Penghulu:				
	\$130-00	\$15-00.	\$50-00.....	\$195-00.
4. " Orang Besar (Balai.)	\$130-00	\$15-00.	\$50-00.....	\$195-00.
5. " Lembaga.	\$130-00	\$15-00.	\$50-00.....	\$195-00.



Telipos: Tampin 976384

80: () dir. TBT

تنگو بزرگ تامين نگرى سيمين

TUNKU BESAR TAMPIN,
TAMPIN,
NEGBRI SEMBILAN.

KADAR PEMBAYARAN ADAT PINTU DAN PEMEGANG PENGANTIN:

Adat Ambat	Adat	Adat Pemegang Pengantin	Jumlah:
------------	------	-------------------------	---------

a. Anak Pengantin.....	\$10-00	\$18-00.....	\$30-00.
b. Anak Warisan.....	\$14-00	\$14-00.....	\$24-00.
c. Anak Lela api dan lain-lain yang serupa.....	\$12-00	\$12-00.....	\$20-00.

D. MENJALANKAN ADAT D. ISTIADAT PERKAHWINAN PUTERA DAN PUTERI YANG BESAR TAMPIN.

1. Kesempurnaan Adat Istiadat Perkahwinan dijalankan bersama oleh Dato' Perchuluan Puteri dan empat dan Adat Pemakanan Tuanya ialah sebanyak Sebahara Besar.

2. Orang2 Besar dan Istiadat itu, memakainya bersama membantu bagi menjalankan Adat dan Istiadat itu, memakainya ialah sebanyak Sebahara Kecil.

3. Majlis Istiadat dan sebagainya itu dijalankan bersama oleh empat2 Tuan Besar dan didalam Wilayah Tunku Besar Tampin. (diatas persembahan YAT, Tunku Besar Tampin sendiri.)

4. Adat Ambat Pintu dan Pemegang Pengantin mengikutlah seperti yang telah diadatkan, (lihat dalam 2 yang sesuai.)

(kesemua persembahan yang hendaklah itu HENDAKLAH dituntut pada sebelah dan berkenaan memasa menuntut Adat itu.)

5. Tatarifnya Sebahara Besar ialah \$28-00 dan Sebahara Kecil ialah Satu bahara ialah \$14-00.

E. BAHAGIAN AKAR SYARAK.

1. Mengikut kadar yang telah dibenarkan ialah sebanyak \$35-00 iaitu:

1. Persembahan.....\$ 3-00.
2. Persembahan masjid.....\$ 5-00.
3. Persembahan Syarak yang berapi.....\$27-00.

F. LAIN2 PERATURAN YANG DIADATKAN.

1. Jika menurunkan Adat untuk pergi berkahwin atau bertunang, maka hendaklah Adat rumah itu (waris) mengisikan adatnya (Urakali) dengan \$ 15-00 untuk Lembaganya yang mengetui Istiadat itu.

2. Jika menurunkan Adat (laki2) kedatangannya itu tiada memakai TUA-ISTIADAT maka hendaklah dituntut "Adat Dagang" padanya sebanyak \$15-00 dan juga hendaklah Lembaga bagi pihak perempuan itu mencari Adat LAINYA yang layak sebagai ganti bagi menyempurnakan Istiadatnya itu.

3. Berarak dan Mengalut:



muka 3/-

iringan Rebana, Kompang atau Hadzhar.

b. BERJULANG:-

Apabila menyembelih KERBAU bolehlah kedua2 Pengantin itu DIARAK DAN DIJULANG, atau pun dengan menyembelih seekor lembu dan dilapek (ditambah.) dengan menyembelih seekor KAMBING, maka bolehlah juga diarak dan dijulang.

- c. Pembahagian Istiadat Berjulang itu ialah mengikut kadar \$2.00 bagi tiap2 seorang yang bekerja itu (mengikutlah RAMAI yang dikehendaki.) pembayaran ini hendaklah dituntut bersama kedua pehak yang berkenaan iaitu pehak laki2 dan juga pehak perempuan.

4. KESIAPAN PEMAKAIAN ADAT DAN ISTIADAT:

- a. Sebelum DLEK ditateng (menjalankan Adat dan Istiadat.) bagi pehak Lembaga atau Tuanya hendaklah menyediakan dan memasang Kain Tabir dan Langit2, Tilam Pandak, dan Bertepak Sireh bagi kesiapan DIPANGKAL SERAMBI. (untuk menyempurnakan hal2 Adat dan Syarak serta penerimaannya.)
- b. Tempat kedudukan YAM, Tunku Besar Tampin dan Ketua2 Adat serta Tuan Pegawai Syarak yang lain itu hendaklah disilakan pada tempat yang tersebut itu dengan dilayani oleh Tua Olek atau wakilnya yang faham dan MENYEDIAKAN sekurang-kurangnya Sebuah TUDUNG HIDANGAN yang sempurna.
- c. Membuat Pelamin:

I. Tarifnya: Tempat Pengantin Bersanding dibuatkan ber-tingkat2.

- | | | |
|--------------------------------|---|----------|
| a. Anakanda Tunku Besar Tampin | 7 | tingkat. |
| b. Anak Dato' Penghulu | 5 | " |
| c. " Waris | 3 | " |
| d. " Datuk Lembaga | 2 | " |
| e. Anak Buah | 1 | " |

(dikehendaki duduk bersela dan berselimpuh.)

II. Jika keadaan bilik rumah itu kecil dan sempit maka bolehlah dibuat Pelamin itu diserambi atau menggunakan kerusi sahaja. Tempat kedudukan YAM, Tunku Besar Tampin Ketua2 Adat dan Tuan2 Pegawai Syarak yang lain itu bolehlah dibuatkan KHAS pada tempatnya yang sesuai.

III. Sesuata OLEK yang hendak dibuat itu maka HENDAKLAH Lembaga atau Tua Olek itu menjemput hadir bersama-sama Dato'2 Lembaga dan Ketua2 Adat serta Tuan2 Pegawai Syarak ditempatnya itu supaya datang bersama-sama menyaksikan dan meramaikan majlis yang dijalankannya itu. (Jemputlah dengan cara berpeaturan.)

5. ADAT MELANGKAH BENDUL. (pehak perempuan.)

Adat ini hendaklah dituntut pada sebelah pehak laki2 bagi mengisikannya iaitu: Cincin Emas sebetuk, Pakaian perempuan SEPERSALINAN dan Wang Adat sebanyak RM 100.00

- a. YAM, Tunku Besar Tampin.....12 suku.
 - b. Dato' Penghulu 6 suku.
 - c. Datuk Lembaga4 suku.
 - d. Orang2 Besar Balai 3 suku.
 - e. " Besar Penghulu..... 3 suku.
 - f. Datuk Pawang..... 3 suku.
- (Pembahagian ini hendaklah dibungkus DUA iaitu untuk suami-isteri.)

7. Segala bentuk upacara nika kahwin yang tidak mengikut ADAT YANG TELAH DIADATKAN adalah menjadi satu KESALAHAN PADA SEGI ADAT:-

- a. Bagi penduduk kampung dan Orang2 yang MENDATANG tinggal ditempat itu MESTILAH ia mengikut segala Adat dan Istiadat yang telah DIADATKAN pada tempat itu kerana mengikut Perbilangan Adat: Mena BUMI dipijak, disitulah LANGIT DIJUNJUNG.
- b. Mereka yang ENCIK dan ENGGAR memakai Adat dan Istiadat itu maka TIDAKLAH ia hendak membuat AKAD-NIKAH dirumahnya sendiri melainkan diminta bagi pihak Tuan2 Pegawai Syarak yang berkenaan supaya dapat bekerjasama bagi MENGARAHKAN mereka itu membuat Akad-Nikah di masjid atau disurau sahaja, kemudian dirumahnya itu TIDAK BOLEH dibuat ISTIADAT BERARAK hanya khenduri ti sa sahaja. (Perkara yang seumpama ini ter lebih dahulu berlaku bagi pihak Tua atau Lembaganya memberi tahu dahulu kepada Tuan2 Pegawai Syarak yang berkenaan disitu, SUPAYA dapat TINDAKAN DIAMBIL.
- c. Waris PETEMPUAN atau ORANG SEMENDA tidak boleh menjadi Tua atau Lembaga didalam menjalankan kerja Adat-Istiadat Nikah Kahwin. Jika Tua atau Lembaganya tidak dapat hendak membuat OLEK MAK BUAHNYA itu maka bolehlah Tua atau Lembaga dari suku lain (yang berhampiran rumah.) bolehlah menjadi WAKIL bagi menjalankan hal2 Adat dan Istiadat tersebut itu dan segala Pembayaran Makantua yang telah diadatkan itu hendaklah diberikan padanya.
- d. Menumpang Tua sahaja adatnya ialah sebanyak \$7-80.(untuk sekali olek sahaja.)
- e. Merekap, adatnya ialah sebanyak \$7-20. dan sebuah Nasi Kuningit. (untuk kekal selama-lamanya.)
- f. Berkadim.(ADAT DUA PESAKA.) adatnya sebanyak SEBAHARA BESAR iaitu \$28-00, kerbau seekor, Beras LIMA PULUH, Sebuah kitab suci Al-quran, Kain putih sekabong dan Sebilah Pisau jenis besi KAWI.
- g. Bagi orang yang telah ada sukunya sendiri ditempat itu: (kaum-keluarganya.) hendaklah mereka itu terus sahaja memasuki atau memakai Tua atau Lembaganya yang telah sedia ada disitu
- h. Bagi mereka2 yang TIADA BERSUKU hendaklah mereka itu mencari Tua atau MEREKAP kepada Datuk2 Pembesar Balai YAM,Tunku Besar Tampin atau pun boleh juga Menumpang TUA atau MEREKAP kepada Datuk2 Lembaga yang ada didalam kampungnya itu.
- i. Peranan ORANG2 SEMENDA PULA hendaklah bekerja-sama dan MEMATUHI apa-apa TUCAS yang diamanahkan oleh ORANG TEMPAT SEMENDANYA ITU

WA ILLAH-HYTAUFIK-WALHIDAYAH, maka dengan Persetujuan dan Berkebulatan se.tu telah DIPERKENANKAN oleh YANG AMAT MULIA TUNKU BESAR TAMPIN maka berjalamlah KUAT-KUASA Peraturan ini mengikut tarikh yang telah dinyatakan.

Termaktub pada 16hb: Mac 1980,
bersamaan 28, Rabiul-Akhir 1400SH;
DIBALAI YAM, TUNKU BESAR TAMPIN. N.S.

Diperkenankan oleh:



Untuk simpanan kepada:-

1. Dato'2 Penghulu Pesaka.
(Didalam Wilayah Tunku Besar Tampin.)
2. Semua Datuk2 Lembaga yang berkenaan.
3. Al-Fadil Tuan Kadzi Daerah Tampin.
4. " Tuan2 Pegawai (IMAM) mesjid.
5. Pembesar2 Balai YAM, Tunku Besar Tampin.
6. TUA DAGANG (bagi Kampong Keru.)



Telepon: Tampin 976184.

BH: () dlm. TBT

تنگر سر تملين نگري سبيلان

TUNKU BESAR TAMPIN,
TAMPIN,
NEGERI SEMBILAN.

Pengistiharan Lantikan
Dato' Penghulu Pesaka Keru."

1. Tarikhnya pada 29hb:Julai 1979 (Ahad) bersamaan 5haribulan Ramadhan 1399 SH, pukul 10.25 pagi.

2. Yang hadir menyaksikan:

- a. YAM, Tunku Besar Tampin.
- b. YB, Tuan Setia Usaha Dewan Keadilan & Undang N.S.
- c. Dato' Penghulu Pesaka Tampin Tengah.
- d. Dato' Penghulu Pesaka Pondoi (Tebong.)
- e. Dato' Penghulu Pesaka Repah (Udzur.)
- f. Datuk2 Lembaga Suku Kampong Keru.
- g. Bakal Tua Dagang Kampong Keru.
- h. YM, Syed Bidin (Syed Boyak) dan keluarganya.
- i. Tengku Imam Keru.
- j. Setia Raja (Harun.)
- k. YM, Tuan Imam Mesjid Pondoi (Tebong.)

3. YAM, Tunku Besar Tampin mengucapkan Selamat Datang dan berbanyak-banyak terima kasih diatas kehadiran sama Tuan Setia Usaha Dewan Keadilan & Undang N.S. serta Dato'2 Penghulu Pesaka Tampin Tengah dan Tebong juga kepada sekalian yang hadir pada pagi ini.

4. Sebelum Pengistiharan Lantikan ini diumumkan YAM, Tunku Besar Tampin telah bertitah:-

Patah Tumbuh Hilang Berganti.

Kata-Kata Perpatih dalam Merpatih yang telah di-reka serta di-susun oleh Pujangga-Pujangga kita di-zaman perbekala yang sering kali digunakan oleh orang-orang kita yang menganut 'Adat Perpatih adalah rekaan dan susun yang terbitnya dari kebijaksanaan dan kepintalan Pujangga-Pujangga kita. Perpatih perpatih yang telah direka serta di-susun itu adalah sangat-sangat cantik serta indah dan molik.

Salah satu daripada banyak-banyak Perpatih Perpatih yang mereka reka dan susun ialah PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI. Perpatih ini adalah di-tujukan kepada Pesaka (Adat. Rangkaian Perpatih ini kalau di-gunakan sebagai serangkai adalah bermakna ' Mengekalkan.'

Mengikut peredaran zaman maka saya anggap adalah perlu kita memperluaskan tafsir Patah Tumbuh Hilang Berganti ini. Serangkai Perpatih ini kalau di-gunakan pada 'Luak' adalah bermakna 'Mengekalkan' dan kalau di-ambil pada segi 'Alam' pula adalah mempunyai makna yang serupa. .

Bagi orang-orang merpatih di-dalam Wilayah saya adalah perlu memahami implikasi Patah Tumbuh Hilang Berganti seluas-luasnya untuk matladah-



Telipon: Tampin 976384.

BH: () dim. TST

تکو بر تلپن نكري سيلان.

TUNKU BESAR TAMPIN,
TAMPIN,
NEGERI SEMBILAN.

2/-

Perpatah 'Patah Tumbuh Hilang Berganti' ini perlu di-pecahkan dua dari-pada rangkaian-nya. Apabila telah kita pecahkan dua rangkaian, maka dapat-lah kita seperti berikut:-

(i) Patah Tumbuh.

(ii) Hilang Berganti.

Bila-kah masa-nya timbul perpatah 'Patah Tumbuh'?

Timbul-nya Patah Tumbuh ia-lah bila ada kematian, bila timbul soal cacat seperti Tuli, Buta, Gila, Nyanyok pendek kata cacat anggota pada segi ladat. Bila-kah pula timbul-nya soal 'Hilang Berganti'?

Timbul-nya 'Hilang Berganti' ia-lah bila ada pemecatan di-sebabkan oleh Derhaka atau Di-Pendamkan Pesaka 'Adat' atau Di-cabut maji Di-alih layu. Di-sini kalau kita renungkan makna perpatah tersebut di-atas itu maka kita dapati bahawa:-

Patah Tumbuh itu tidak meliputi Hilang Berganti di-dalam luak.

Dan kita dapati juga bahawa Hilang Berganti itu tidak meliputi Patah Tumbuh di-dalam luak.

Maka apa-kah pula implikasi-nya Patah Tumbuh Hilang Berganti di-segi ALAM?

Implikasi-nya pada segi ALAM ia-lah Patah Tumbuh ada-lah meliputi Hilang Berganti dan Hilang Berganti ada-lah pula meliputi Patah Tumbuh. Kalau di-gunakan rangkaian Patah Tumbuh hilang Berganti pada ALAM maka bermakna-lah 'Mengekalkan' Pesaka 'Adat'.

Maka begitu juga-lah sekira-nya kalau di-gunakan rangkaian 'Patah Tumbuh Hilang Berganti' itu pada segi luak. Akan tetapi apabila di-pecahkan Per-patah 'Patah Tumbuh Hilang Berganti' itu pada segi luak maka implikasi atau makna kedua-dua pecahan masing-masing memberikan tafsir yang agak berlainan yang perlu kita fahami. Kalau patah apa-kah langkah yang perlu di-ambil? Kalau hilang apa-kah pula langkah-nya yang perlu di-ambil? Bila-kah masa-nya boleh kita menggunakan Patah Tumbuh dan bila-kah pula masa-nya boleh kita menggunakan Hilang Berganti. Perlu kita perhatikan di-sini bahawa 'Patahdan Hilang' ada-lah kedua-dua-nya membawa kita kepada Jalan Memperkekalkan Pesaka 'Adat'.

5. Perlu kita perhatikan di-sini bahawa 'Patah dan Hilang' ada-lah kedua-dua-nya membawa kita kepada Jalan Memperkekalkan Pesaka 'Adat' oleh itu:-

"Bahawa dengan 'Reeminya' saya Memperkenalkan Lantikan Dato' Penghulu Pesaka Keru itu kepada Encik NAYAN BIN SILIN, K/P 0235732, Batu 5 1/2 Kampong Keru, Tampin.N.S, setelah mendapatkan Kebulatan daripada Sekalian Waris-Waris Suku Biduanda Jati Keru."

"Bahawa 'Patah dan Hilang' dari Waris-Waris Suku Tiga Batu Cenago itu kerana PENDERHAKAAN-NYA SENDIRI tidak Mongimanahkan Pengurnian yang telah D-Kurniakan oleh Al-marhom Syed Sha'aban dan PENDERHAKAAN KATA-KATA BIADAP-NYA terhadap kepada YAM, Tunku Besar Tampin itu, Bahawa dengan ini YAM, Tunku Besar Tampin telah MEMENDAMKAN gelaran Pesaka 'Adat' itu dari-pada-nya."

Majlis di-tamatkan pada pukul 11.10 pagi dengan Bacaan Do'a oleh Tuan Imam Mesjid Pondoi (Tebong).

Di-perkenalkan oleh:

Tunku Besar Tampin



Tersektub pada:

29hb: Julai 1979.

di-Balai Tunku Besar Tampin.



Telpon: Tampin 976384.

Bil: () dim. TBT

تنگو بزر تامين نكري سمينان.

TUNKU BESAR TAMPIN,
TAMPIN,
NEGERI SEMBILAN.

**Peringatan Perundingan Datuk-Datuk Lembaga
Dan Dato'-Dato' Penghulu Pesaka DiBalai YAM,
Tunku Besar Tampin, N. Sembilan."**

1. Perundingan dimulakan pada pukul 9.30 pagi diBalai YAM, Tunku Besar Tampin, pada 24hb: Jun 1979 bersamaan Hari Ahad.

2. Kehadiran ialah:

- a) YAM, Tunku Besar Tampin.
- b) Dato' Penghulu Pesaka Tampin Tengah.
- c) " " " Tebong (Pandoi)
- d) " " " Repah (udzur)
- e) " " " Keru (dikosongkan)
- f) Datuk-Datuk Lembaga yang bersuku diKampung Keru.
- g) Tengku Imam Keru (Syed Abu)
- h) Wakil-wakil orang Dagang Kampung Keru.
- i) Datuk Setia Raja (Harun)

3. YAM, Tunku Besar Tampin mengucapkan Selamat Datang dan Terimakasih diatas kesampaian Dato'-Dato' Peghulu Pesaka Tampin Tengah dan Tebong juga kepada sekalian Datuk-Datuk Lembaga juga wakil-wakil yang lain yang hadir pada pagi ini, Dato' Penghulu Pesaka Repah tidak dapat hadir kerana udzur.

4. YAM, Tunku Besar memerangkan adalah tujuan diadakan Perundingan pada pagi ini ialah ada 2 perkara PENTING iaitu berkenaan Orang-Orang Dagang diKampung Keru dan berkenaan Dato' Penghulu Pesaka Keru.

a) Orang-Orang Dagang diKampung Keru:

YAM, Tunku Besar Tampin menerangkan ramai orang-orang dagang telah tinggal tetap diKampung Keru tempat kediamannya yang kekal, yang menyusahkan mereka ialah apabila hendak membuat Khenduri Nikah-Kahwin dan Kematian tiada tempat yang ia hendak dibuat KETUANYA, walau pun mereka itu dibenarkan masuk MEREKAP pada mana-mana SUKU yang telah sedia ada diKampung itu. TAMBAHAN PULA ketiadaan tempat tinggal yang tetap Dato' Penghulu Pesaka Keru, untuk dirundingkan perkara tersebut.

YAM, Tunku Besar Tampin mencadangkan hendak membuat seorang Ketua Dagang yang boleh mengatasi perkara-perkara yang merunsingkannya itu, Tua Dagang ini adalah dibawah Pandangan Dato' Penghulu Pesaka Keru sendiri.

Hak-hak Kuasa yang boleh dijalankan ialah:

- 1. Berkahwin bebas antara suku Dagang.
- 2. Tanah hak-milik mereka akan tidak diiktirafkan sebagai hak milik.



Telipon: Tampin 976384.

BH: () dlm. TBT

تڤو بئر تڤين نڠري سڤيلان

muka 2/
TUNKU BESAR TAMPIN,
TAMPIN,
NEGERI SEMBILAN.

12.

dagang yang ada mengikut peraturan Merekap dalam suku itu.

4. Untuk menjalankan hal 'Adat Istiadat Perkahwinan samalah juga peraturan-nya dengan Lembaga-Lembaga yang lain, mengikut cerian (7) Bahagian (A) Wang Adat Perkahwinan No: (7) dlm ITB Tampin 1/73 bertarikh pada 1.2.1973.
5. Sentiasa bekerjasama dan tolong-menolong dengan Datuk-Datuk Lembaga yang lain supaya 'Adat Istiadat dan Masyarakat setempat berkeadaan baik dan sempurna. Setelah dibincangkandengan panjang dan lebarnya maka telah dapat dipersetujui bersama-sama dengan wakil Orang Dagang Kampong Keru melantik Encik Ya'akob bin Redzali menjadi Tua Dagang bagi Kampong Keru. Pengesabannya akan dibawa pada pengetahuan Dato' Penghulu Pesaka Keru untuk menyebarkan kebawah Khaus YAM, Tunku Besar Tampin kelak.

b) Berkenaan Dato' Penghulu Pesaka Keru.

1. YAM, Tunku Besar Tampin telah menerangkan yang keenggaran Penghulu Jani bin Harun dari suku Tiga Batu, supaya tinggal tetap dan membuat Rumah Kediaman diKampong Keru tempat ia MENYANDANGKAN pesaka itu, banyak kata-kata ELAH yang dikatakannya ENGGAN MANUJUT TITAH TUNKU, lebih daripada 4 tahun sudah tunku menunggu dan waris-warisnya berdiam diri juga tidak mahu mengambil berat titah tunku itu. Tambahan pula dari katanya yang AKHIR kepada YAM, Tunku Besar Tampin menyatakan "IA TIDAK SANGGUP PINDAH DIAM BIKERU, UNTUK SEHARI DUA BOLEH." YAM, Tunku Besar Tampin memandangkan katanya itu satu perkara BIADAP dan MENDERHAKA tidak patut dikeluarkan sedemikian kata, YAM, Tunku Besar Tampin sangat-sangat murka dan TERUS MEMECAT ia dari menyandang PESAKANYA itu dan akan MENGISTIHARKAN PEMECATANNYA itu pada 8.7.1979 bersama-sama dengan Tuan Pegawai Daerah Tampin dan Tuan Setia Usaha, Dewan Keadilan & Undang N.S.
2. YAM, Tunku Besar Tampin menitahkan kepada Datuk Lembaga Waris Perut Suku Biduanda Asal Keru supaya dapat mengumpulkan anak-anak buah Mereka bagi MENENTUKAN seorang Dato' Penghulu Pesaka Keru dan dapat pula Menyembahkannya pada 8.7.1979 itu juga.

c) Lain-lain hal:

1. Penentuan Pemakaian 'adat diKeru dan melaksanakannya sekali hendaklah sama dan mengikut apa yang telah DIADATKAN.
2. Menentukan Wang BAYARAN: Upah Nikah Register dan Fan Masjid seperti berikut:

- a) Register.....\$5.00.
- b) Upah Nikah.....\$6.00.
- c) Saksi\$7.00.

Telepon: Tampin 976384.

Bil: () dim. TBT



تڤو بئر تڤين تڤري سڤيلن.

TUNKU BESAR TAMPIN,
TAMPIN,
NEGBRI SEMBILAN.

muka /3.

4. Bayaran 'adat Pemegang Pengantin dan 'adat Ambat Pintu, hendaklah dibuat cara Kebijaksanaan Tua Lembaganya mengikut kerja yang dibuatnya, timbangan kadar \$6.00. bagi Pemegang Pengantin dan \$4.00. bagi Ambat Pintu.

5. Tua Dagang akan diberikan Salinan Peraturan 'Adat yang telah diadatkan didalam Wilayah IAN, Tunku Besar Tampin.

Perundingan ditangguhkan pada pukul 11½ pagi dengan Jamuan Teh.

Termaktup pada:

24hb: Jun 1979.

DiBalai Tunku Besar Tampin.

Tampin N.S.

S.k.

Diperkenankan oleh:





1. Tuan Setiausaha,
Dewan Keadilan & Undang N.S.
2. Tuan Pegawai Daerah Tampin. N.S.
3. Dato'-Dato' Penghulu Pesaka: (Tampin Tengah. Repah, Keru dan Tebong.)
4. Dato'-Lembaga Suku Kampong Keru.
5. Tua Dagang Kampong Keru.
6. Tengku Imam Keru (Syed Abu)
7. Setia Raja (Harun)

Telapakan Waris
Suku Biduanda Jati
Keru, Tampin,
Negeri Sembilan.

Kebawah Khas,
YAM. Tunku Besar Tampin.

"Waris Telapakan Suku Biduanda Jati Keru"

4. Yang Tua Perui Darat. (Ibunya Embong)

1. Anak Embong:-

- | | |
|---------------------|------------------------|
| a. Siti bte Amat | e. Hamid bin Tadak |
| b. Sa'ad bin Tadak | f. Jamilah bte Tadak |
| c. Salmah bte Tadak | g. Jamiah bte Tadak |
| d. Kedong bte Tadak | h. Sa'adiyah bte Tadak |

2. Anak Siti bte Amat:-

- a. Salmah bte Ali
- b. Yunus bin Ali
- c. Abd. Rahman bin Ali

3. Anak Salmah bte Ali:-

- a. Samsul bin Latip
- b. Saliza bte Latip
- c. Salina bte Latip
- d. Salmi bte Latip

4. Anak Salmah bte Tadak:-

- | | |
|-----------------------|-----------------------|
| a. Rohani bte Md. Zin | d. Roslin bin Md. Zin |
| b. Rosli bin Md. Zin | e. Rosnah bte Md. Zin |
| c. Roslan bin Md. Zin | f. Rozita bte Md. Zin |

5. Anak Rohani bte Md. Zin:-

- a. Nahayuwati bte Ja'apar
- b. Rohaya bte Ja'apar
- c. Roha bte Ja'apar
- d. Zainon bte Ja'apar

6. Anak Kedong bte Tadak:-

5. Anak Rohani bte Md.Zin:-

- a. Kahayuwati bte Ja'apar
- b. Rohaya bte Ja'apar
- c. Roha bte Ja'apar
- d. Zainon bte Ja'apar

6. Anak Kedong bte Tadak:-

- a. Osman bin Dawi

7. Anak Jamilah bte Tadak:-

- a. Razak bin Omar
- b. Wahid bin Omar
- c. Jamisah bte Omar

8. Anak Hanih bte Tadak:-

- a. Laya bin Yatin
- b. Jimah bte Yatin
- c. Jalilah bte Yatin
- d. Yazid bin Yatin

9. Anak Sa'adiyah bte Tadak:-

- a. Samsiah bte Karim
- b. Kamal bin Karim
- c. Kalsom bte Karim
- d. Absah bte Karim
- e. Alwi bin Karim
- f. Din bin Karim
- g. Mohamad bin Karim
- h. Md.Nor bin Karim

10. Yung Pengah Perut Hulu (ibunya Bedah bte Badar)

1. Anak Bedah:-

- a. Aran bin Limat
- b. Daud bin Limat
- c. Kamariah bte Limat
- d. Sarifah bte Limat
- e. Md.Isa bin Limat

2. Anak Sariah:-

- a. Robiah bte Yusof
- b. Jasni bin Yusof
- c. Sabariah bte Yusof
- d. Mansur bin Yusof
- e. Zamri bin Yusof

3. Anak Robiah:-


- a. Rozita bte Abd.Aziz
- b. Md.Rezuan bin Abd.Aziz
- c. Rohizan bin Abd.Aziz

11. Perut Hilir:- (Sharifah Zainab)

- a. Sadin bin Silin
- b. Manap bin Silin
- c. Tijah bte Silin
- d. Nayan bin Silin
- e. Jadi bin Hasan

Semua ini,

Disertai oleh,


DATO NAYAN B. SILIN

(Penghulu Pesaka Mukim Keru.) Bertarikh 25hb. April 1980

Tampin, N. S.